

**Perbezaan Kaedah Abjadiyyah  
dalam Hirz Al-Amani dan Nazimah Al-Zuhr  
oleh Imam Al-Shatibi Al-Muqri**

*Differences in Abjadiyya Method in Hirz Al-Amani and  
Nazimah Al-Zuhr by Imam Al-Shatibi Al-Muqri*

**Al Hafiz WM<sup>1</sup> & Kamarul Shukri Mat Teh<sup>2</sup>**

<sup>1</sup> (Corresponding Author) Faculty of Islamic Contemporary Studies, University of Sultan Zainal Abidin, 21300, Malaysia, e-mail: wanalhafiz@gmail.com

<sup>2</sup> Faculty of Islamic Contemporary Studies, University of Sultan Zainal Abidin, 21300, Malaysia, e-mail: kamarul@unisza.edu.my

**ABSTRAK**

Imam al-Shatibi al-Muqri merupakan seorang tokoh agung dalam bidang pengajian al-Quran bahkan terdapat beberapa kitab beliau menjadi rujukan utama umat Islam masa kini. Antara kitab tersebut ialah dua buah kitab dalam dua bidang ilmu yang berbeza iaitu Qiraat dan Fawasil. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perbezaan pada manhaj penulisan dua kitab ini khususnya melibatkan kaedah susunan huruf Abjadiyyah. Hal demikian menimbulkan sedikit kekeliruan dalam kalangan penuntut ilmu memandangkan kedua-duanya dikarang oleh pengarang yang sama. Justeru, objektif kajian adalah untuk merungkaikan perbezaan tersebut agar hilang kekeliruan yang wujud. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif yang melalui reka bentuk kajian analisis kandungan. Hasil kajian mendapati terdapat dua perkara yang menjadi faktor utama terhadap perbezaan kaedah susunan huruf Abjadiyyah di dalam kitab beliau. Justeru, kajian ini mengukuhkan keperluan berguru dalam pembelajaran khasnya yang melibatkan al-Quran dan al-Qiraat di samping membuktikan kepentingan talaqqi dan mushafahah sebagai disiplin pengajian ilmu al-Quran.

**Kata Kunci:** Imam al-Shatibi; Kaedah Abjadiyyah; Fawasil; Qiraat

---

**ABSTRACT**

*Imam al-Shatibi is an excellent figure in the field of Quranic studies and some of his books are used as a primary reference for Muslims today. Among those are the two books discussing two different fields of knowledge, namely Qiraat and Fawasil. However, there are some differences in the method of writing these two books, particularly involving the technique of arranging the letters of Abjadiyya. This technique causes a bit of confusion among students as the same author composes both. Thus, the objective of the study is to unravel the differences in order to eliminate the existing confusion. This study uses a qualitative approach that goes*

*through the design of content analysis study. The results of the study found that there are two aspects that contributed to the differences in the method of arrangement of Abjadiyya letters in his book. Thus, this study strengthens the need for teachers in special learning involving the teaching of Qur'an and Qiraat. The findings also served as a proof on the importance of two learning approaches which are talaqqi and mushafahah as a method of study the sciences of Qur'an.*

**Keywords:** *Imam al-Shatibi; Abjadiyya Method; Fawasil; Qiraat.*

---

## 1. Pendahuluan

Imam al-Shatibi al-Muqri merupakan satu anugerah Allah SWT kepada umat Islam khususnya dalam bidang al-Quran. Dunia telah menyaksikan hasil keberkatan ilmu beliau sehingga al-Quran dibaca mengikut aliran al-Shatibiyyah oleh majoriti umat Islam sekarang. Ketokohan, kewarakan dan kealiman beliau telah mendapat banyak pujian daripada para ulama dari segenap bidang. Kitab beliau yang berjudul Hirz al-Amani wa Wajhu al-Tahani (حرز الأماني ووجه التهاني) merupakan karya agung dalam bidang qiraat dan diguna pakai sehingga sekarang. Selain itu, kitab Nazimah al-Zuhr fi 'Add Ayi al-Suwar (ناظمة الزهر في عد آي السور) juga dijadikan rujukan utama dalam ilmu pengiraan ayat-ayat al-Quran.

Walau bagaimanapun, terdapat beberapa perkara yang menimbulkan kekeliruan dalam kalangan penuntut kedua-dua ilmu tersebut. Antara kekeliruan terbabit ialah berkenaan perbezaan kaedah susunan huruf antara dua kitab walaupun dikarang oleh pengarang yang sama. Justeru, hal tersebut menjadi fokus utama dalam kajian ini.

## 2. Metodologi

Kajian ini berbentuk kualitatif. Kaedah pengumpulan data adalah melalui metod penyelidikan perpustakaan, dokumentasi dan persejarahan. Data terkumpul dianalisis menggunakan metode analisis teks dan kandungan untuk memperoleh natijah yang tepat.

Fokus kajian adalah kaedah susunan huruf di dalam dua kitab iaitu Hirz al-Amani wa Wajhu al-Tahani (حرز الأماني ووجه التهاني) (al-Shatibi, 2010) dan Nazimah al-Zuhr fi 'Add Ayi al-Suwar (ناظمة الزهر في عد آي السور) (al-Shatibi, 2007). Analisis secara deskriptif telah dilakukan dan disertai dengan jadual serta rajah bagi memberikan penjelasan yang lebih tuntas terhadap permasalahan kajian. Kajian ini dilimitkan kepada kaedah susunan huruf di dalam dua kitab tersebut sahaja. Walau bagaimanapun, salah sebuah kitab

karangan Imam Ibn al-Jazari (1994) berjudul *Tayyibah al-Nashr fi al-Qira'at al-'Ashr* turut diungkapkan sebagai sokongan.

### 3. Pengenalan Ringkas Imam al-Shatibi

Imam al-Shatibi merupakan seorang tokoh yang tidak asing dalam kalangan penuntut ilmu khususnya bidang al-Quran. Beliau sering mendapat pujian dan sanjungan daripada para ulama. Antara ulama yang memuji Imam al-Shatibi ialah Imam Ibn Kathir (1996). Beliau mengatakan bahawa Imam al-Shatibi merupakan seorang yang sempurna agamanya, tekun beribadat, sentiasa tenang, dan hanya bercakap pada perkara yang perlu sahaja. Imam Abu Shamah (1981) pula telah mengarang satu syair pujian kepada Imam al-Shatibi. Syair tersebut dicipta sebagai suatu gambaran suasana sambutan masyarakat Mesir pada saat ketibaan Imam al-Shatibi di sana. Berkata Abu Shamah (1981) dalam *Ibraz al-Ma'ani*:

لَقَيْتُ جَمَاعَةً فُضِّلَاءَ فَآزُوا # بِصُحْبَةِ شَيْخِ مِصْرَ الشَّاطِئِي  
وَكُلُّهُمْ يُعْظِمُهُ وَيَتْنِي # كَتَعْظِيمِ الصَّحَابَةِ لِلنَّبِيِّ

Terjemahan: Aku menemui satu jemaah yang bergembira dengan kedatangan Imam al-Shatibi di Mesir. Setiap daripada mereka mengagungkan dan memuliakan beliau bahkan seakan-akan pengagungan para sahabat kepada Nabi SAW.

Imam al-Nawawi juga ada menyebut tentang kehebatan dan kedalaman ilmu Imam al-Shatibi. Bahkan tiada orang yang mampu menandingi beliau pada kealiman dalam kepelbagaian ilmu yang dimiliki (Al-Qastallani, 1995). Oleh yang demikian, Imam al-Shatibi sudah tidak asing dalam kalangan masyarakat sehingga namanya sentiasa disebut-sebut oleh ulama dan ilmunya sentiasa diamalkan oleh majoriti umat Islam di dunia masa kini.

Nama beliau ialah al-Qasim bin Firruh bin Khalaf bin Ahmad al-Ru'aini al-Shatibi al-Andalusi al-Darir, iaitu dalam tulisan Arabnya adalah seperti berikut; القاسم بن فيره بن خلف بن أحمد الرعيبي الشاطي الأندلسي الضرير (Ibn Khallikan, 2009; al-Qafati, 1986; Ibn al-Jazari, t.t; al-Qastallani, 1995; al-Zahabi, 1991, 1996; al-Subki, 1992; Ibn Taghribirdi, 1972; al-Hanbali, 1991 & Yaqut al-Hamawi, 1993).

Walau bagaimanapun, terdapat perbezaan dari sudut sebutan pada perkataan *فيره* dan *الرعيبي*. Perkataan *فيره* ini dibaca sama ada Firruh *فيرُهُ* atau

Fiiyurah **فِيْرُهُ** (al-Shatibi, 2010). Perkataan **الرعيّني** pula dibaca sama ada al-Rua'ini **الرعيّني** atau al-Ra'ini **الرعيّني** (Al-Shatibi, 2010).

Sesiapa yang memilih untuk membacanya dengan Fiiyurah, kebiasaannya akan memilih al-Ra'ini. Antara tokoh yang memilih bacaan tersebut adalah Muhammad Tamim al-Zu'bi, penyemak kitab Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani karangan Imam al-Shatibi (Al-Shatibi, 2010).


Imam al-Shatibi diberi gelaran Abu Muhammad, ada yang memanggil beliau dengan nama Abu al-Qasim. Pada penentuan gelaran Abu al-Qasim, Ibn Khallikan atau Khillikan (2009) telah menafikan dakwaan tersebut. Beliau mengatakan, walaupun ada orang yang memanggil Imam al-Shatibi dengan gelaran Abu al-Qasim tetapi apa yang didapati di dalam sanad periwayatan al-Quran adalah Abu Muhammad al-Qasim (Ibn Khallikan, 2009). Hal ini bermaksud, nama sebenarnya beliau ialah al-Qasim dan Abu Muhammad ialah gelaran beliau.

Imam al-Zahabi (1990) pula berpendapat, sesiapa yang menjadikan Abu al-Qasim sebagai gelaran kepada Imam al-Shatibi sebenarnya mengambil gelaran tersebut daripada nama asal beliau. Yang sah, nama asal Imam al-Shatibi ialah al-Qasim dan gelaran beliau ialah Abu Muhammad. Pendapat ini mendapat sokongan daripada ramai ulama antaranya Imam al-Sakhawi sendiri selaku anak murid kepada Imam al-Shatibi dan al-Maqqari (1988) (Al-Zahabi, 1990).

Berkenaan nama Firruh atau Fiiyurah, nama tersebut bukan daripada bahasa Arab. Perkataan ini berasal daripada bahasa Latin yang dituturkan oleh penduduk negara Andalus atau lebih dikenali kini sebagai Sepanyol. Maksud Firruh atau Fiiyurah dalam bahasa Arab ialah besi (Ibn Khallikan, 2009).

Besi dalam bahasa Latin ialah Ferrum (**فيروم**), dalam bahasa Perancis ialah Fer (**فير**), dan dalam bahasa Sepanyol pula ialah Hierro (**هييرو**). Justeru, nama Firruh atau Fiiyurah ini menggabungkan tiga bahasa tersebut iaitu **ه** + **رو** + **فير** menjadi perkataan **فيروه** (Al-Zirikli, t.t).

Rajah 1.0: Gabungan Bahasa Bagi Penghasilan Perkataan فيره



(Sumber: Al-Zirikli, t.th)

Bagi perkataan الرعييني, terdapat perselisihan pendapat dalam kalangan ulama berkenaan bagaimana boleh disandarkan nama tersebut pada Imam al-Shatibi. Al-Ru'aini ini merujuk kepada satu kabilah di Yaman pada zaman dahulu. Perkataan tersebut diambil daripada ذي رعين, iaitu salah satu ketua kabilah yang terkemuka di Yaman (Ibn Khallikan, 2009).

Justeru, ada pendapat mengatakan Imam al-Shatibi mendapat nama tersebut kerana nenek moyang beliau berasal daripada bangsa Yaman (al-Hanbali, 1991). Pendapat kedua pula mengatakan beliau mendapat nama tersebut selepas berkahwin dengan seorang wanita Yaman daripada kabilah al-Ru'aini al-Himyari semasa di Mesir (Al-Qafati, 1986). Namun begitu, pendapat pertama lebih dipersetujui oleh kebanyakan ulama (Al-Qafati, 1986).

Nama al-Shatibi sebenarnya berasal daripada nama Shatibah, iaitu sebuah bandar yang besar dan mempunyai kota berkubu di sebelah timur Andalus. Bandar Shatibah berada di kedudukan 56 kilometer dari Balansiyah (Valencia) (Yaqt al-Hamawi, 1957).

Pada kurun pertengahan pemerintahan kerajaan Islam Andalus, bandar ini terkenal sebagai kilang kertas. Kertas yang dihasilkan sangat berkualiti dan mendapat sambutan hangat di pasaran ketika itu. Kertas tersebut kemudiannya diberi nama al-Waraq al-Shatibi (kertas Shatibah).

Namun, zaman kegemilangan tamadun Islam di Andalus ketika itu tidak kekal. Pada tahun 1239 Masihi, Jack I (Raja Aragon) telah menakluk Shatibah seterusnya menghalau semua kaum muslimin keluar dari bandar tersebut (Shakib Arslan, t.t).

Imam al-Shatibi mendapat nama al-Shatibi dan al-Andalusi kerana beliau dilahirkan di sana pada akhir tahun 538 Hijri (al-Safadiy, 1911; Ibn al-Jazari, t.t; al-Zahabi, 1996, 1997 & Ibn Salah, 1992). Justeru, disandarkan kepada beliau dua nama tersebut sebagai rujukan tentang tempat kelahiran beliau.

#### 4. Kaedah Abjadiyyah Dan Susunan Hurufnya

Menurut Mohd Zaki (2001), kaedah susunan Abjadiyyah merupakan susunan huruf sejak zaman Rasulullah SAW sebelum penciptaan susunan Alfabet oleh Nasr bin 'Asim dan Yahya bin Ya'mar. Susunan ini sangat berbeza dengan susunan yang diguna pakai sekarang oleh masyarakat Islam di Malaysia. Walaupun dimulakan dengan huruf Alif, tetapi urutan huruf seterusnya jauh berbeza.

Susunan huruf dalam bahasa Arab pada awalnya ialah mengikut susunan *Abjadi* yang diambil daripada kaum Finiq iaitu **أ ب ج د ه و ز ح ط** **أ ب ج د ه و ز ح ط** (28 huruf) yang dihimpun dalam **أَبْجَدُ هَوُزْ حُطَيِّ كَلْمُنْ سَعَفَصْ قَرَشَتْ تَحْذُ ضَظْغُ**. Setelah timbul susunan Alfabet, huruf-huruf dalam susunan *Abjadi* diberi nilai angka untuk tujuan tanda bilangan, mengira dan mencatat. (Mohd Zaki, 2001)

Jadual 1.0: Susunan Huruf Dan Nilainya

Huruf	أ	ب	ج	د	ه	و	ز
Nilai	1	2	3	4	5	6	7
Huruf	ح	ط	ي	ك	ل	م	ن
Nilai	8	9	10	20	30	40	50
Huruf	س	ع	ف	ص	ق	ر	ش
Nilai	60	70	80	90	100	200	300
Huruf	ت	ث	خ	ذ	ض	ظ	غ
Nilai	400	500	600	700	800	900	1000

(Sumber: Al Hafiz & Kamarul Shukri, 2020)

Jadual 1.0 di atas menunjukkan bermula dengan huruf Alif atau Hamzah yang diberi nilai satu dan diikuti huruf selepasnya dengan kiraan nilai dua sehingga kepada huruf Ya yang diberi nilai 10. Bermula daripada huruf ini, kiraan nilai berubah kepada dua digit iaitu 10, 20, sehingga kepada 90 iaitu pada huruf Sad. Kemudian bermula pada huruf Qaf, kiraan nilai berubah kepada tiga digit iaitu 100, kemudian huruf berikutnya 200 dan seterusnya sehingga kepada huruf Za' dengan kiraan nilai 900. Kiraan ini berakhir dengan huruf Ghayn yang diberi nilai empat digit iaitu 1000. Bentuk kiraan nilai ini digunakan secara meluas oleh orang Arab bahkan dalam ilmu-ilmu al-Quran seperti al-Fawasil. (Al-Shatibi, 2007)

Huruf-huruf daripada kaum Finiq ini pada asalnya hanya mempunyai 22 huruf sahaja iaitu  $\text{أَبْجَدُ هَوَؤُ ز حُطَي كَلْمُن سَعْفَصْ قَرَشَتْ}$ , kemudian huruf-huruf tersebut telah dipindahkan oleh kaum Nabat daripada bangsa Aram seterusnya menambah 6 lagi huruf iaitu  $\text{نَحْدُ ضَظْغ}$ . Abjad yang digunakan oleh kaum Nabat adalah dalam bentuk huruf-huruf bersambung. Pada ketika itu, huruf vokal dan titik masih belum wujud.

Jadual 2.0: Susunan Huruf Kaedah Abjadiyyah

Kaedah	Akronim Susunan Huruf
Abjadiyyah	$\text{أَبْجَدُ هَوَؤُ ز حُطَي كَلْمُن سَعْفَصْ قَرَشَتْ نَحْدُ ضَظْغ}$

(Sumber: Mohd Zaki, 2001)

## 5. Kitab-kitab al-Shatibi Dan Perbezaan Susunan Huruf Di Dalamnya

Selain daripada kitab yang berjudul Hirz al-Amani wa Wajhu al-Tahani ( حرز الأمانى ووجه التهانى ), Imam al-Shatibi juga mempunyai beberapa buah kitab lain seperti Nazimah al-Zuhr fi 'Add Ayi al-Suwar ( ناظمة الزهر فى عدد آى السور ) dan 'Aqilah Atrab al-Qasa'id fi Asna al-Maqasid ( عقيلة أتراب القصائد فى أسنى المقاصد ). Kedua-dua kitab tersebut adalah dalam ilmu Fawasil (al-Shatibi, 2007) dan ilmu Rasm al-Mushaf (al-Shatibi, 2001).

Jadual 3.0: Senarai Kitab-Kitab Imam al-Shatibi

No.	Nama Kitab	Perihal
1	Hirz al-Amani wa Wajhu al-Tahani (حز الأمانى ووجه التهاني)	Berkenaan al-Qiraat al-Sab'
2	Nazimah al-Zuhr fi 'Add Ayi al-Suwar (ناظمة الزهر في عدد آي السور)	Berkenaan Bilangan Ayat Dan Surah Di Dalam al-Quran
3	'Aqilah Atrab al-Qasa'id fi Asna al-Maqasid (عقيلة أتراب القصائد في أسنى المقاصد)	Berkenaan Penulisan Mushaf
4	Qasidah Daliyyah (قصيدة دالية)	Berkenaan Kitab al-Tamhid Oleh Ibn 'Abd al-Barr

(Sumber: Al Hafiz & Kamarul Shukri, 2020)

Daripada kitab-kitab tersebut, terdapat dua kitab yang menggunakan kaedah Abjadiyyah pada susunan huruf di dalam penulisan matan keduanya. Dua kitab yang dimaksudkan ialah Hirz al-Amani wa Wajhu al-Tahani dan Nazimah al-Zuhr. Walau bagaimanapun, kajian mendapati terdapat beberapa perbezaan pada susunan huruf dalam dua kitab tersebut.

Imam al-Shatibi (2010) melalui kitab Hirz al-Amani wa Wajhu al-Tahani telah menyusun huruf dalam kaedah Abjadiyyah seperti berikut, أ ب ج د ه ز ح ط ي ك ل م ن ص ع ف ض ق ر س ت . Di dalam kitab Nazimah al-Zuhr (al-Shatibi, 2007) pula seperti berikut, أ ب ج د ه و ز ح ط ي ك ل م ن . Bagi huruf غ ظ غ ص ق ر , tidak dinyatakan oleh Nazimah al-Zuhr kerana memadai setakat huruf ر sahaja sebagai penggunaan di dalamnya. Namun, huruf-huruf tersebut disambung selepas huruf ر dari sudut kaedah Abjadiyyah.

Jadual 4.0: Perbezaan susunan huruf antara Nazimah al-Zuhr dan Hirz al-Amani.

Susunan	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
Nazimah al-Zuhr fi 'Add Ayyi al-Suwar	أ	ب	ج	د	هـ	و	ز	ح	ط	ي
Hirz al-Amani wa Wajhu al-Tahani	أ	ب	ج	د	هـ	ز	ح	ط	ي	ك
Susunan	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20
Nazimah al-Zuhr fi 'Add Ayyi al-Suwar	ك	ل	م	ن	س	ع	ف	ص	ق	ر
Hirz al-Amani wa Wajhu al-Tahani	ل	م	ن	ص	ع	ف	ض	ق	ر	س

(Sumber: Al Hafiz &amp; Kamarul Shukri, 2020)

Daripada Jadual 4, warna oren menunjukkan tempat perbezaan antara dua kitab. Permulaan kepada perbezaan tersebut adalah pada susunan keenam iaitu huruf و yang telah digugurkan di dalam kitab Hirz al-Amani dan diganti tempatnya dengan huruf ز . Perbezaan seterusnya adalah pada susunan ke-14 dan ke-15 iaitu huruf س diletakkan selepas huruf ن di dalam Nazimah al-Zuhr, manakala di dalam Hirz al-Amani pula diletakkan huruf ص selepas huruf ن . Begitu juga pada susunan ke-17 dan ke-18, huruf ص diletakkan selepas huruf ف di dalam Nazimah al-Zuhr, manakala di dalam Hirz al-Amani pula diletakkan huruf ض selepas huruf ف . Huruf س dalam Hirz al-Amani berada pada susunan ke-20, berbeza dengan Nazimah al-Zuhr yang meletakkannya pada susunan yang ke-15.

Imam Ibn al-Jazari (1994) juga mengambil kiraan Imam al-Shatibi (2010) seterusnya melengkapkan lagi sehingga menjadi 27 huruf. Susunan ini digunakan di dalam kitab karangan beliau iaitu Tayyibah al-Nashr fi al-Qira'at al-'Ashr pada menghimpun sepuluh Qiraat Mutawatirah Kubra. Berikut ialah perbandingan susunan huruf antara tiga kitab dan kaedah susunan Abjadiyyah:

Perbezaan Kaedah Abjadiyyah dalam Hirz Al-Amani dan Nazimah Al-Zuhr oleh Imam Al-Shatibi Al-Muqri

Jadual 5.0: Perbezaan Susunan Huruf Antara Nazimah Al-Zuhr, Hirz Al-Amani, Tayyibah al-Nashr fi al-Qira'at al-'Ashr Dan Kaedah Abjadiyyah.

Susunan	1	2	3	4	5	6	7	8	9	10
Nazimah al-Zuhr fi 'Add Ayi al-Suwar	أ	ب	ج	د	هـ	و	ز	ح	ط	ي
Hirz al-Amani wa Wajhu al-Tahani	أ	ب	ج	د	هـ	ز	ح	ط	ي	ك
Tayyibah al-Nashr fi al-Qira'at al-'Ashr	أ	ب	ج	د	هـ	ز	ح	ط	ي	ك
Kaedah Abjadiyyah	أ	ب	ج	د	هـ	و	ز	ح	ط	ي
Susunan	11	12	13	14	15	16	17	18	19	20
Nazimah al-Zuhr fi 'Add Ayi al-Suwar	ك	ل	م	ن	س	ع	ف	ص	ق	ر
Hirz al-Amani wa Wajhu al-Tahani	ل	م	ن	ص	ع	ف	ض	ق	ر	س
Tayyibah al-Nashr fi al-Qira'at al-'Ashr	ل	م	ن	ص	ع	ف	ض	ق	ر	س
Kaedah Abjadiyyah	ك	ل	م	ن	س	ع	ف	ص	ق	ر
Susunan	21	22	23	24	25	26	27	28		
Nazimah al-Zuhr fi 'Add Ayi al-Suwar	-	-	-	-	-	-	-	-		
Hirz al-Amani wa Wajhu al-Tahani	ت	-	-	-	-	-	-	-		
Tayyibah al-Nashr fi al-Qira'at al-'Ashr	ت	ث	خ	ذ	ظ	غ	ش	-		

Kaedah Abjadiyyah	ش	ت	ث	خ	ذ	ض	ظ	غ	
----------------------	---	---	---	---	---	---	---	---	--

(Sumber: Al Hafiz & Kamarul Shukri, 2020)

Daripada Jadual 5, dijelaskan bilangan huruf yang digunakan dalam setiap kitab dan perbandingannya dengan bilangan kaedah Abjadiyyah. Nazimah al-Zuhr hanya menggunakan sebanyak 20 jumlah huruf, diikuti dengan Hirz al-Amani sebanyak 21 jumlah huruf. Walau bagaimanapun, bilangan huruf yang digunakan dalam kitab Tayyibah adalah sebanyak 27 jumlah huruf iaitu lebih enam huruf berbanding Hirz al-Amani. Kaedah Abjadiyyah pula mengekalkan jumlah bilangan huruf sebanyak 28 jumlah huruf.

Dengan membandingkan tiga buah kitab dan kaedah Abjadiyyah ini, kajian dapat menemui kedudukan huruf ض yang berada di posisi ke 17 dalam Hirz al-Amani tetapi tiada dalam Nazimah al-Zuhr. Hal demikian kerana susunan Hirz al-Amani adalah berdasarkan susunan kaedah Abjadiyyah. Menurut kaedah Abjadiyyah, huruf ض berada di pertengahan antara huruf ذ dan huruf ظ iaitu pada susunan ke 26.

Kajian juga mendapati antara faktor berlakunya perbezaan susunan huruf dalam dua kitab Imam al-Shatibi adalah disebabkan perbezaan negara. Imam al-Shatibi telah mengarang kitab Nazimah al-Zuhr semasa berada di Andalus, manakala kitab Hirz al-Amani hanya sempat dikarang sebahagian sahaja kemudiannya diselesaikan selepas berhijrah ke Mesir. (Ibrahim, 2000)

Faktor perbezaan negara pula didasari faktor dua golongan besar ulama pada zaman tersebut iaitu al-Mashariqah dan al-Magharibah. Blok al-Mashariqah bermula dari Mesir hingga Iraq, dan Yaman hingga Syria. Blok al-Magharibah pula bermula dari Libya hingga ke Maghribi (Morocco) termasuk al-Andalus (al-Zahabi, 2004). Selain daripada kawasan-kawasan tersebut, umat Islam di kawasan lain menggunakan kaedah penandaan al-Mashariqah, termasuk juga Malaysia.


Selain daripada dua kitab Imam al-Shatibi, kitab Tayyibah (Ibn al-Jazari, 1994) juga terkesan dengan pengaruh dua blok tersebut. Hasilnya, kajian mendapati kitab Hirz al-Amani (al-Shatibi, 2010) dan kitab Tayyibah (Ibn al-Jazari, 1994) telah mengikut susunan huruf al-Mashariqah. Hal demikian kerana kitab Hirz al-Amani (al-Shatibi, 2010) siap dikarang selepas penghijrahan Imam al-Shatibi ke Mesir manakala Imam Ibn al-Jazari (1994) hanya meneruskan kaedah yang telah dipilih oleh Imam al-Shatibi.

Perkara tersebut berbeza dengan kitab Nazimah al-Zuhr (al-Shatibi, 2007) yang telah siap dikarang semasa Imam al-Shatibi masih berada di Andalus. Justeru, kaedah susunan huruf al-Magharibah telah diterapkan

dalam penulisan kitab Nazimah al-Zuhr (al-Shatibi, 2007) seteusnya kekal digunakan sehingga ke hari ini.

Menurut Aiman Rushdi Suwaid (2011), antara dua kaedah susunan huruf iaitu al-Mashariqah dan al-Magharibah, kaedah al-Magharibah merupakan kaedah asal kerana faktor ketamadunan Khilafah Bani Umayyah adalah lebih terdahulu berbanding Khilafah Bani Abbasiyyah. Andalus merupakan salah sebuah negara yang berada di bawah naungan Khilafah Bani Umayyah dan telah mempelopori kaedah susunan huruf al-Magharibah. Kaedah ini juga adalah kaedah yang sama digunakan dalam kaedah susunan huruf Abjadiyyah sebelum ditukar kepada kaedah susunan huruf Alfaba'iyah (Alfabet). Susunan Abjadiyyah merupakan susunan huruf sejak zaman Rasulullah SAW sebelum penciptaan susunan Alfabet oleh Nasr bin 'Asim dan Yahya bin Ya'mar (Mohd Zaki, 2001).

Rajah 2.0: Faktor Berlakunya Perbezaan Susunan Huruf



(Sumber: Al Hafiz & Kamarul Shukri, 2020)

## 6. Kesimpulan

Secara kesimpulannya, perbezaan susunan huruf dalam kaedah Abjadiyyah ini didasari dua faktor utama iaitu negara dan blok ulama. Kedua-dua faktor tersebut saling berkait rapat dan berfungsi menguatkan antara satu sama lain. Justeru, perbezaan yang berlaku dalam dua kitab Imam al-Shatibi ini bukan sebagai aib malah mempamerkan kedalaman ilmu kurniaan Allah SWT kepada beliau. Selain itu, jelas di sini keperluan berguru dalam dua bidang terbabit amatlah penting sebagai pemandu arah memandangkan kekeliruan tersebut akan kekal sedemikian jika tiada rawatan. Wassalam.

**Rujukan**

- Abu Shamah, 'Abd al-Rahman bin Isma'il. (1981). *Ibraz al-Ma'ani min Hirz al-Amani*.  
Kaherah: Mustafa al-Babiy al-Halabiy
- Aiman Rushdi Suwaid. (2011). *Al-Tajwid al-Musawwar*. Damshiq: Maktabah Ibn al-Jazari
- Al-Dhahabi, Muhammad bin Ahmad bin 'Uthman. (1990). *Tarikh al-Islam*. Beirut: Dar al-Kitab al-'Arabiy
- Al-Dhahabi, Muhammad bin Ahmad bin 'Uthman. (1991). *Al-I'lam bi Wafayat al-A'lam*.  
Beirut: Dar al-Fikr al-Mu'asir
- Al-Dhahabi, Muhammad bin Ahmad bin 'Uthman. (1996). *Siyar A'lam al-Nubala'*. Beirut:  
Mu'assasah al-Risalah
- Al-Dhahabi, Muhammad bin Ahmad bin 'Uthman. (1997). *Ma'rifah al-Qurra' al-Kibar 'ala  
al-Tabaqat wa al-A'sar*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah
- Al-Hanbali, Ibn 'Imad. (1991). *Shazarat al-Zahab fi Akhbar Man Zahab*. Kaherah: Dar Ibn  
Kathir
- Al-Maqqari, Ahmad bin Muhammad al-Tilmisaniy. (1988). *Nafh al-Tib min Ghusn al-  
Andalus al-Ratib*. Beirut: Dar Sadir
- Al-Qafati, Jamal al-Din 'Ali bin Yusuf. (1986). *Inbah al-Ruwwah 'ala Anbah al-Nuhah*.  
Kaherah: Dar al-Fikr al-'Arabiy
- Al-Qastallani, Shihab al-Din Ahmad bin Muhammad. (ed. Muhammad Hasan Musa, 1995).  
*Mukhtasar al-Fath al-Mawahibi fi Manaqib al-Imam al-Shatibi*. Jeddah: Al-Jama'ah  
al-Khairiyyah li Tahfiz al-Qur'an al-Karim
- Al-Safadiy, Salah al-Din Khalil bin Aybik. (1911). *Nakt al-Himyan fi Nakt al-'Umyan*.  
Kaherah: Dar al-Madinah
- Al-Shatibi, Abu Muhammad al-Qasim bin Firruh bin Khalaf bin Ahmad al-Ru'aini al-  
Andalusi. (2010). *Hirz al-Amani wa Wajh al-Tahani*. Madinah: Dar al-Huda
- Al-Shatibi, al-Qasim bin Firruh. (2007). *Nazimah al-Zuhr fi 'Add Ayi al-Suwar*. Kaherah:  
Maktabah al-Azhar.
- Al-Shatibi, Abu Muhammad al-Qasim bin Firruh bin Khalaf bin Ahmad al-Ru'aini al-  
Andalusi. (2001). 'Aqilah Atrab al-Qasa'id fi Asna al-Maqasid. Jeddah: Dar Nour  
al-Maktabat
- Al-Subki, 'Abd al-Wahhab bin 'Ali. (1992). *Tabaqat al-Shafi'iyah al-Kubra*. Kaherah: Hajr  
li al-Tiba'ah wa al-Nashr
- Al-Zirikli, Khayr al-Din. (cet-6, t.t). *Al-A'lam*. Kaherah: Dar al-'Ilm li al-Malayin
- Ibn al-Jazari, Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin 'Ali bin Yusuf. (t.t). *Ghayah  
al-Nihayah fi Tabaqat al-Qurra'*. Kaherah: Maktabah al-Mutanabbiy
- Ibn al-Jazari, Muhammad bin Muhammad bin Muhammad bin 'Ali bin Yusuf. (1994).  
*Tayyibah al-Nashr fi al-Qira'at al-'Ashr*. Al-Madinah al-Munawwarah: Maktabah
- Ibn Kathir, 'Imad al-Din bin Kathir. (1996). *Al-Bidayah wa al-Nihayah*. Kaherah: Dar Abi  
Hayyan
- Ibn Khallikan, Shams al-Din Muhammad bin Abi Bakr bin Khallikan. (2009). *Wafayat al-  
A'yan wa Anba' Abna' al-Zaman*. Beirut: Dar Sadir
- Ibn Salah, Abu 'Amr 'Uthman bin 'Abd al-Rahman. (1992). *Tabaqat al-Fuqaha' al-  
Shafi'iyah*. Beirut: Dar al-Basha'ir al-Islamiyyah
- Ibn Taghribirdi, Abu al-Mahasin Yusuf bin Taghribirdi. (1972). *Al-Nujum al-Zahirah fi  
Muluk Misr wa al-Qahirah*. Kaherah: Al-Hai'ah al-Misriyyah al-'Ammah li al-Kitab
- Ibrahim Muhammad al-Jurmi. (2000). *Al-Imam al-Shatibi Sayyid al-Qurra'*. Damshiq: Dar  
al-Qalam
- Mohd. Zaki Abd. Rahman (2001). *Huruf Dalam Bahasa Arab: Nilai Dan Kegunaannya*.  
Tesis Dr, Fal, Fakulti Bahasa dan Linguistik, Universiti Malaya, Kuala Lumpur, h.  
13.
- Shakib Arslan. (t.t). *Al-Hulal al-Sundusiyah*. Kaherah: Dar al-Kitab al-Islamiy

Perbezaan Kaedah Abjadiyyah dalam Hirz Al-Amani dan Nazimah Al-Zuhr oleh Imam Al-Shatibi Al-Muqri

Yaqut al-Hamawi. (1957). Mu'jam al-Buldan. Beirut: Dar Sadir

Yaqut al-Hamawi. (1993). Mu'jam al-Udaba' Irshad al-Arib ila Ma'rifah al-Adib. Tunisia: Dar al-Gharb al-Islamiy